

**KEBERKESANAN KAEDAH COACHING DALAM INTERVENSI  
TINGKAH LAKU MURID BERMASALAH DISIPLIN : KAJIAN KES DI  
JOHOR**

**MOHD YUSOF HUSSEIN**

**Tesis dikemukakan sebagai  
memenuhi syarat untuk penganugerahan  
Ijazah Sarjana Sains dalam Pengurusan Teknologi**

**Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia**

**OGOS 2023**

## DEDIKASI

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani  
Dituju khas buat yang tersayang dan tidak putus-putus mendoakan dan memberikan  
semangat buat diri ini,*

***Ayahanda dan Bonda tercinta,***  
*Prof. Dr.Hussein Bin Ahmad dan Zahrah Binti Ibrahim*

***Bonda Mertua yang tercinta,***  
*Zainab Binti Lokman*

***Isteri yang dicintai,***  
*Lizawati Binti Mamat*

***Anak-anakku yang disayangi***  
*Umar Farouq Al-Hafiz dan Umar Harraz Al-Hafiz*

***Adindaku yang dikasihi***  
*Abdul Rahim, Yaaqub dan Muhammad*

***Penyelia yang dihormati,***  
*Prof Madya Sr. Dr. Abdul Jalil Bin Omar*

***Sahabat-sahabat suka duka,***  
*Salma Binti Md Nor, Rozitah Binti Md Kaseran, Zaiton Binti Haron,*  
*Siti Ruhanum Binti Ali*  
*Jutaan terima kasih di atas pengorbanan, semangat dan dorongan kalian dalam  
mengiringi setiap langkah perjuangan dan kejayaanku.*

*Moga Allah Rabbul Jalil dapat membalas jasa baik kalian semua.*

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan diatas keizinanNya, kertas kajian ini dapat diselesaikan sepenuhnya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Fakulti Pengurusan Teknologi Dan Perniagaan kerana memberikan kemudahan, peluang dan bimbingan yang sangat baik untuk saya menyelesaikan tesis ini. Selain itu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya Sr. Dr. Abdul Jalil Bin Omar atas dorongan, nasihat dan bimbingan yang berguna sepanjang projek ini dijalankan. Saya juga berasa bersyukur dan berterima kasih buat abah, emak, mek (ibu mertua), isteri dan anak-anak saya atas kesabaran, dorongan dan sokongan yang tidak pernah padam sehingga tesis ini berjaya diselesaikan. Tidak dilupakan juga buat pengetua yang dihormati Hj. Mohd Bakri Mohd Diah, rakan-rakan guru bimbingan dan kaunseling dan guru disiplin serta semua rakan-rakan guru yang telah membantu samaada secara langsung atau tidak langsung sepanjang tesis ini dilaksanakan.

Terima kasih

## ABSTRAK

Kaedah *coaching* telah terbukti berjaya membentuk tingkah laku yang positif dalam bidang sukan dan perniagaan. Akan tetapi, bidang ini masih belum dimanfaatkan dalam kalangan murid di sekolah sebagai alat perubahan tingkah laku bagi mencapai kemenjadian murid yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Oleh itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenal pasti keberkesanan *coaching* sebagai intervensi dalam pembentukan tingkah laku murid pada peringkat sekolah menengah. Reka bentuk kajian dilaksanakan secara kualitatif dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Bagi mencapai matlamat ini, salah sebuah sekolah menengah di Johor telah dipilih. Sebanyak dua fasa pelaksanaan kajian dilaksanakan. Fasa pertama melibatkan 66 orang murid tingkatan 2 yang mempunyai rekod masalah disiplin telah dipilih untuk menjalani ujian yang menggunakan instrumen Roda Kehidupan (*Wheel of Life*). Manakala fasa kedua pula melibatkan 9 orang murid daripada fasa pertama yang secara sukarela bersedia untuk menjalani sesi *coaching* secara berkelompok dengan menggunakan model *GROUP*. Kaedah kutipan data yang diguna pakai adalah melalui analisis hasil kajian sebelum dan selepas intervensi, pemerhatian dan temubual. Hasil kajian pada fasa pertama mendapati bahawa elemen kritikal kemenjadian murid adalah pengaruh rakan sebaya, bilamana ia mencatatkan skor terendah berbanding elemen lain iaitu pada purata skor 4.5. Manakala hasil analisis fasa kedua kajian menunjukkan purata skor kepuasan tahap disiplin murid meningkat sangat ketara berbanding elemen lain iaitu sebanyak 2.55. Seterusnya, hasil pengumpulan data melalui pemerhatian guru, sesi temu bual guru dan ibu bapa juga turut membuktikan bahawa intervensi tingkah laku menggunakan kaedah *coaching* berupaya meningkatkan tingkah laku murid. Dalam hal ini, penyelidik dapat menyimpulkan bahawa kaedah *coaching* adalah salah satu intervensi yang dapat meningkatkan prestasi tingkah laku murid.

## ABSTRACT

Coaching method have been proven to be successful in shaping positive behaviors in sports and business. However, this field has not yet been utilized among students in schools as an alternative to change behavior in order to achieve excellence in students aimed by the National Education Philosophy. Therefore, this study is conducted with the aim of determining the effectiveness of coaching as an intervention in the formation of student behavior at the secondary school level. The design of the study was implemented qualitatively through a case study approach. To achieve this goal, a secondary school in Johor had been selected. A total of two phases of analyzation were implemented. The first phase involved 66 form 2 students with a record of disciplinary problems were selected to undergo a test using the Wheel of Life instrument. While the second phase involves 9 students from the first phase who voluntarily prepared to undergo group coaching sessions using the GROUP model. The method of data collection used was the analysis of the results of the study before and after the intervention, observation and interview. The results of the study in the first phase found that the critical element of being an excellent student is the influence of peers, when it recorded the lowest score compared to other elements which was at an average score of 4.5. While the results of the second phase analysis of the study showed that the average satisfaction score of the level of students' discipline increased significantly compared to other elements of 2.55. Furthermore, the results of data collection through observations of the teacher, teacher and parent interview sessions also proved that behavioral interventions using coaching methods are able to improve students' behavior. Thus, researcher can conclude that coaching method is one of the interventions that can improve students' behavior performance.

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xvii</b>
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	4
1.3 Pernyataan Masalah	6
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.7.1 Faedah dari Aspek Teori	12
1.7.2 Faedah dari Aspek Pengamalan	12
1.8 Jangkaan Dapatan	13
1.9 Aliran Bab	13

1.10	Kesimpulan	14
------	------------	----

<b>BAB 2 KAJIAN LITERATUR</b>	<b>15</b>
-------------------------------	-----------

2.1	Pengenalan	15
-----	------------	----

2.2	Intervensi <i>Coaching</i>	15
-----	----------------------------	----

2.2.1	Sejarah <i>Coaching</i>	19
-------	-------------------------	----

2.2.2	<i>Coaching</i> Meningkatkan Prestasi	21
-------	---------------------------------------	----

2.2.3	<i>Coaching</i> Menjana Tingkah Laku Baru	23
-------	---	----

2.2.4	<i>Coaching</i> Model <i>GROW</i>	25
-------	-----------------------------------	----

2.2.5	<i>Coaching</i> Model <i>GROUP</i>	29
-------	------------------------------------	----

2.3	Kaedah Intervensi <i>Coaching</i> Model <i>GROUP</i>	31
-----	--	----

2.3.1	Kaedah Aplikasi <i>Coaching</i> Model <i>GROUP</i>	34
-------	--	----

2.3.1.1	Penetapan Matlamat ( <i>goal</i> )	37
---------	------------------------------------	----

2.3.1.2	Realiti ( <i>reality</i> )	38
---------	----------------------------	----

2.3.1.3	Pilihan-pilihan ( <i>options</i> )	38
---------	------------------------------------	----

2.3.1.4	Memahami Orang Lain ( <i>understand others</i> )	39
---------	--	----

2.3.1.5	Pelaksanaan ( <i>perform</i> )	40
---------	--------------------------------	----

2.3.2	Tempoh	40
-------	--------	----

2.3.3	Bilangan <i>Coachee</i>	41
-------	-------------------------	----

2.3.4	Peralatan <i>Coaching</i> ( <i>Tools</i> )	42
-------	--	----

2.3.4.1	Roda Kehidupan ( <i>Wheel of Life</i> )	42
---------	---	----

2.4	Elemen Kemenjadian Murid Seperti Yang Termaktub dalam SKPMg2: Standard Lima	44
-----	--	----

2.4.1	Peranan Ibu Bapa	47
-------	------------------	----

2.4.2	Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Murid	50
-------	--------------------------------------	----

2.4.3	Tahap Kestabilan Kewangan	52
-------	---------------------------	----

2.4.4	Kesihatan Diri Murid	53
-------	----------------------	----

2.4.5	Matlamat Hidup	55
2.4.6	Kemantapan Rohani	57
2.4.7	Penguasaan di Sekolah	58
2.4.8	Tahap Disiplin Diri	60
2.5	Intervensi terhadap Kemenjadian Murid	62
2.5.1	Peranan Intervensi	63
2.5.2	Perbandingan Intervensi <i>Coaching</i> dengan Kaunseling	63
2.5.3	Kaedah Intervensi <i>Coaching</i>	65
2.6	Kerangka Kajian	68
2.7	Kesimpulan	70
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>		<b>71</b>
3.1	Pengenalan	71
3.2	Reka Bentuk Kajian	71
3.3	Falsafah Kajian/ Paradigm Kajian	73
3.4	Reka Bentuk Kajian Kualitatif	74
3.5	Pemilihan Sampel Kajian	75
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	76
3.6.1	Kajian Sebelum	77
3.6.2	Kajian Selepas	77
3.6.3	Pemerhatian	78
3.6.4	Analisis Dokumen	78
3.6.5	Temu Bual	78
3.6.6	Ujian Mengenal Pasti Elemen Utama Kemenjadian Murid	79
3.7	Pencapaian Objektif 1	80
3.7.1	Kaedah Pengumpulan Data Objektif 1	81



3.7.2	Analisis Data Objektif 1	83
3.7.3	Hasil Yang Dijangka bagi Objektif 1	83
3.8	Pencapaian Objektif 2	84
3.8.1	Kaedah Pengumpulan Data Objektif 2	84
3.8.2	Analisis Data Objektif 2	85
3.8.3	Hasil Yang Dijangka bagi Objektif 2	86
3.9	Pencapaian Objektif 3	86
3.9.1	Kaedah Pengumpulan Data	87
3.9.2	Analisis Data Objektif 3	87
3.9.3	Hasil Yang Dijangka bagi Objektif 3	88
3.10	Kesimpulan	88

## **BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN** **89**

4.1	Pengenalan	89
4.2	Analisis dan Dapatan Objektif 1	89
4.2.1	Tema Elemen Pengaruh Rakan Sebaya	91
4.2.2	Tema Elemen Penguasaan di Sekolah	93
4.2.3	Tema Elemen Tahap Disiplin Diri	95
4.2.4	Tema Elemen Kemantapan Kerohanian	97
4.2.5	Tema Elemen Matlamat Hidup yang Jelas	99
4.2.6	Tema Elemen Kestabilan Kewangan	101
4.2.7	Tema Elemen Peranan Ibu Bapa	102
4.2.8	Tema Elemen Kesihatan Diri	104
4.2.9	Rumusan Dapatan Kajian bagi Objektif 1	106
4.3	Analisis dan Dapatan Objektif 2	108
4.3.1	Dapatan Melalui Borang Persediaan Sesi	108
4.3.2	Dapatan Melalui Perbandingan Kajian Sebelum dan Ujian	

	xiii
Selepas	110
4.3.3 Dapatan Transkripsi Murid melalui Temu Bual	112
4.4 Analisis dan Dapatan Objektif 3	114
4.4.1 Dapatan berdasarkan Pemerhatian Guru melalui Borang Maklum Balas Guru	115
4.4.2 Dapatan Transkripsi Guru melalui Temu Bual	117
4.4.3 Dapatan Transkripsi Ibu Bapa melalui Temu Bual	119
4.5 Kesimpulan	122
<b>BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	<b>123</b>
5.1 Pengenalan	123
5.2 Ringkasan Kajian	124
5.3 Perbincangan Analisis dan Dapatan Kajian	124
5.3.1 Perbincangan dan Kesimpulan Dapatan Analisis Objektif 1	125
5.3.2 Perbincangan dan Kesimpulan Dapatan Analisis Objektif 2 dan Objektif 3	126
5.4 Batasan Kajian	128
5.5 Kesimpulan	128
5.6 Cadangan	129
<b>RUJUKAN</b>	<b>131</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>150</b>



## SENARAI JADUAL

1.1	Aliran Bab	14
2.1	Tujuan dan Manfaat <i>Coaching</i> terhadap Murid	17
2.2	Definisi <i>Coaching</i> Menurut Pandangan Para Sarjana	18
2.3	Dapatan Kajian Lepas Berkenaan dengan <i>Coaching</i> Meningkatkan Prestasi	23
2.4	Dapatan Kajian Lepas Berkenaan dengan <i>Coaching</i> Yang Menjana Tingkah Laku	25
2.5	Contoh Soalan Penetapan Matlamat	27
2.6	Contoh Soalan Bagi Mengenal Pasti Situasi Terkini <i>Coachee</i>	27
2.7	Contoh Soalan Bagi Menjana Pilihan Penyelesaian <i>Coachee</i>	28
2.8	Contoh Soalan-Soalan Komitmen	28
2.9	Perbezaan Antara Model <i>GROW</i> dengan Model <i>GROUP</i>	32
2.10	Proses Pelaksanaan Model <i>GROUP</i>	34
2.11	Pernyataan Para Sarjana tentang Peranan Ibu Bapa	50
2.12	Pernyataan Para Sarjana tentang Pengaruh Rakan Sebaya	52
2.13	Pernyataan Para Sarjana tentang Kestabilan Kewangan Keluarga	53
2.14	Pernyataan Para Sarjana tentang Kesihatan Diri Murid	55
2.15	Pernyataan Para Sarjana tentang Matlamat Hidup	56
2.16	Pernyataan Para Sarjana tentang Kemantapan Kerohanian	58
2.17	Pernyataan Para Sarjana tentang Penguasaan Di Sekolah	60

2.18	Pernyataan Para Sarjana tentang Tahap Disiplin Diri	62
3.1	Proses Persampelan	76
3.2	Kaedah Pengumpulan Data Objektif 2	85
4.1	Pola Tema Pemilihan Rakan Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	92
4.2	Data Murid Berhubung Dengan Tema Pemilihan Rakan Sebaya	93
4.3	Pola Tema Kesedaran Diri Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	94
4.4	Data Murid Berhubung dengan Faktor Penguasaan Sekolah Mengikut Tema Kesedaran Diri	95
4.5	Pola Tema Faktor Individu Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	96
4.6	Data Murid Berhubung dengan Faktor Tahap Disiplin Diri Mengikut Tema Faktor Individu	97
4.7	Pola Tema Motivasi Dalaman Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	98
4.8	Pola Tema Motivasi Luaran Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	98
4.9	Data Murid Berhubung dengan Elemen Pemantapan Kerohanian Mengikut Tema Motivasi Dalaman dan Motivasi Luaran	99
4.10	Pola Tema Hala Tuju Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	100
4.11	Data Murid Berhubung dengan Elemen Taraf Hidup Mengikut Tema Hala Tuju	101
4.12	Pola Tema Taraf Hidup Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	101

4.13	Data Murid Berhubung dengan Elemen Taraf Hidup Mengikut Tema Hala Tuju	102
4.14	Pola Tema Gaya Asuhan Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	103
4.15	Data Murid Berhubung dengan Elemen Peranan Ibu Bapa Mengikut Tema Gaya Asuhan	104
4.16	Pola Tema Penjagaan Kesihatan Mengikut Sub Tema Berdasarkan Kekerapan dan Peratus	105
4.17	Data Murid Berhubung dengan Elemen Kesihatan Diri Mengikut Tema Penjagaan Kesihatan	106
4.18	Pola Tema Perubahan yang Membawa Makna Positif	109
4.19	Data Murid Berhubung dengan Keberkesanan Intervensi <i>Coaching</i> dalam Meningkatkan Kemenjadian Murid Mengikut Tema Perubahan yang Membawa Makna Positif	110
4.20	Pola Tema Pilihan Individu	115
4.21	Data Maklum balas Guru Berhubung dengan Keberkesanan Intervensi <i>Coaching</i> Terhadap Perubahan Tingkah Laku Murid Mengikut Tema Pilihan Individu	117



## SENARAI RAJAH

1.1	Perbezaan <i>Coaching</i> dan Kaunseling	3
1.2	Standard 5: Kemenjadian Murid	5
1.3	Bilangan Murid Yang Mengulangi Kesalahan Disiplin Sepanjang Tempoh Empat Tahun	7
1.4	Jumlah Sesi Bimbingan dan Kaunseling yang Diberikan	8
2.1	Tujuh Prinsip <i>Coaching</i>	16
2.2	Model <i>GROW Coaching</i>	26
2.3	<i>Wheel of Life</i>	43
2.4	<i>Wheel of life</i> : Contoh Setelah Dilorek	44
2.5	Elemen-elemen Yang Mempengaruhi Kemenjadian Murid	47
2.6	Faktor Yang Mempengaruhi Kemenjadian Murid	61
2.7	Perbandingan Kaunseling/Psikoterapi, Latihan dan <i>Coaching</i>	64
2.8	Proses <i>Coaching</i>	66
2.9	Hubungan <i>Coach</i> dengan <i>Coachee</i> dalam Proses <i>Coaching</i>	68
2.10	Kerangka Kajian	69
3.1	Reka Bentuk Kajian	73
3.2	Proses Kajian Kualitatif	75
3.3	Petunjuk Nilai Skala Kepuasan	81
3.4	Contoh Sampel Borang <i>Wheel of Life</i>	82
3.5	Sampel Bulatan <i>Wheel of Life</i> Yang Telah Dilorekkan	82

3.6	Sampel <i>Worksheet Microsoft Excel</i>	83
4.1	Nilai Purata Skala bagi Setiap Elemen Kemenjadian Murid dalam Bentuk <i>Wheel of life</i>	90
4.2	Perbandingan Nilai Purata Skala bagi Setiap Elemen	91
4.3	Model Elemen Kemenjadian Murid	107
4.4	Perbandingan Dapatan Kajian Sebelum dan Kajian Selepas	111



**SENARAI SINGKATAN**

GBK	Guru Bimbingan dan Kaunseling
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
UBK	Unit Bimbingan dan Kaunseling
WOL	<i>Wheel of life</i>



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Borang Wheel of Life	151
1.2	Borang Maklum Balas Pemerhatian Guru	154
1.3	Soalan-soalan Sesi Temu Bual Kelompok Kajian Murid	156
1.4	Soalan-soalan Sesi Temu Bual Guru	158
1.5	Soalan-soalan Sesi Temu Bual Ibu Bapa	160
1.6	Borang Persediaan Sesi Murid	162
1.7	Gambar Panorama Sesi Kelompok Kajian Murid	164
1.8	Buku Kerja Sesi Kelompok	166
1.9	Coaching Session Prep Form oleh Duke Integrative Medicine	



PTAAUTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJUKU AMINAH

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Perbincangan tentang usaha meningkatkan kemenjadian murid melalui prestasi akademik, penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan pengukuhan sahsiah dan disiplin bukanlah fenomena baru dalam dunia pendidikan. Walaupun perkataan kemenjadian murid masih baharu dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, namun intipati isu ini telah banyak dibincangkan oleh pelbagai pihak dan banyak inisiatif yang telah diambil. Menurut Jette dan Mohd Hamzah (2020), kemenjadian murid merupakan keberhasilan perubahan tingkah laku murid selepas mereka melalui proses pembelajaran formal atau tidak formal. Hasil kemenjadian murid ini seterusnya dijadikan penanda aras bagi pencapaian sesebuah sekolah. Oleh sebab aspek kemenjadian murid ini adalah pentingnya, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan program transformasi sekolah (TS25) dengan tujuan untuk meningkatkan kemenjadian murid yang berkualiti (Jette & Mohd Hamzah, 2020). Manakala menurut Jusoh (2018), antara inisiatif Kementerian Pendidikan dalam melahirkan golongan pendidik yang berkualiti tinggi bagi meningkatkan kemenjadian murid adalah melalui program *coaching* yang dikenali sebagai program Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah atau *School Improvement Specialist Coaches* (SISC) yang memberikan tumpuan terhadap usaha membimbing guru ke arah pengajaran abad ke-21. Program ini bertujuan memberikan bimbingan khas kepada guru bagi menjadikan aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam bilik darjah lebih menarik dan berkesan dan sekali gus mampu meningkatkan penglibatan murid

secara aktif. Hal ini menunjukkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari keberkesanan teknik coaching dalam meningkatkan prestasi namun pihak KPM masih tetap lebih menjurus pada peningkatan kualiti pengajaran guru. Walau bagaimanapun, penggunaan teknik coaching ini masih belum dimaksimumkan terutamanya dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap kemenjadian murid.

Mohd (2012) menyatakan bahawa *coach* ialah individu yang menjalankan sesi *coaching* dan *coachee* ialah individu atau kumpulan yang menjalani sesi *coaching*. Manakala *coaching* merupakan proses pembangunan diri individu dalam meningkatkan pencapaian sama ada dilaksanakan secara individu atau berkelompok (Mohd, 2012). *Coach* akan membantu *coachee* untuk mencapai sesuatu matlamat dengan menggunakan kaedah pemerhatian, soalan yang membina dan meletakkan cabaran berdasarkan kemampuan *coachee*. Dengan kata lain, kaedah *coaching* membantu *coachee* mencapai matlamat yang ditetapkan oleh dirinya sendiri.

*Coaching* juga merupakan usaha meningkatkan prestasi yang selalunya dalam jangka pendek dan dalam skop kemahiran yang spesifik (Michael, 2008). Ia bermula dengan menetapkan matlamat yang hendak dicapai oleh *coachee* yang kebiasaannya ditetapkan bersama atau dengan cadangan *coach*. Namun *coachee* mempunyai hak sepenuhnya terhadap matlamat tersebut manakala tanggungjawab *coach* adalah terhadap proses pelaksanaan *coaching*. Dengan kata lain, *coaching* membantu *coachee* meningkatkan prestasinya melalui pembinaan matlamat yang dipersetujui *coachee* dan bukan yang ditentukan oleh *coach*.

*Coaching* juga turut memberikan tumpuan terhadap pencapaian objektif yang khusus dalam suatu tempoh masa serta pembangunan dan peningkatan prestasi sesuatu kemahiran. Manfaat *coaching* antaranya ialah (Michael, 2008):

- i. Menyediakan peluang untuk meningkatkan kemahiran kepada individu/pasukan.
- ii. Menawarkan peluang yang bersesuaian dengan kehendak individu berkenaan.
- iii. Menggalakkan sikap positif terhadap pembelajaran.
- iv. Menawarkan proses pembelajaran yang fleksibel.
- v. Membenarkan individu tersebut memilih apa dan bagaimana mereka hendak belajar.

Manakala dari sudut pandangan Evered & Selman (1989) pula, *coaching* dapat membantu *coachee* meneroka tindakan-tindakan yang mampu menggalakkan mereka agar menjadi lebih produktif dan meningkatkan prestasi diri.

Namun dalam konteks perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, penjelasan oleh Michael (2008) adalah lebih komprehensif dan beliau turut menjelaskan manfaat *coaching* itu sendiri. Dengan demikian, *coaching* dapat disimpulkan sebagai mampu membantu seseorang individu atau sesebuah pasukan meningkatkan produktiviti, prestasi dan juga mencungkil bakat diri melalui set-set soalan yang betul. Dalam hal ini, *coach* berperanan untuk memandu proses *coaching* agar dapat membantu *coachee* menghasilkan pilihan tindakan yang dapat dilaksanakan oleh *coachee* bagi meningkatkan kemahiran serta prestasi dirinya.


Dalam hal intervensi, terdapat beberapa pandangan penyelidik lepas tentang maksud intervensi. Abdul Majid Khan (2011) berpendapat intervensi bermaksud kajian tindakan, iaitu kajian terhadap proses pengajaran dengan tujuan untuk mengubahnya menjadi lebih baik. Walau bagaimanapun penjelasan oleh Fahrudin & Baco (2002) lebih sesuai untuk dimanfaatkan dalam kajian ini iaitu intervensi merupakan suatu prosedur teratur yang digunakan dengan matlamat untuk mencapai perubahan dalam kehidupan klien.

Namun persoalannya, apakah masih belum memadai perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang sudah sedia lama bertapak dalam institusi pendidikan sehingga teknik *coaching* diperlukan bagi membantu meningkatkan prestasi murid? Dalam hal ini, suatu hal yang perlu difahami ialah skop kaedah kaunseling dan *coaching* mempunyai sudut pandangan matlamat yang berbeza namun kedua-duanya menggunakan set kemahiran dan teknik yang mempunyai banyak persamaan.

Menurut Passmore (2010), *coaching* membantu individu meningkatkan prestasi dan produktiviti, meningkatkan komitmen dan motivasi serta dapat meningkatkan ketrampilan dan memaksimumkan potensi diri. Dengan kata lain, *coaching* membantu *coachee* mencapai matlamat melalui peningkatan prestasi dan motivasi.

Bagaimanapun, dari sudut kaunseling, hal ini sedikit berbeza kerana, kaunseling bersifat penyelesaian masalah yang telah berlaku dan menumpukan perubahan tingkah laku (Saad, 2010). Beliau turut menambah bahawa *coaching* pula

bersifat jangka pendek dan menumpukan peningkatan kompetensi yang diperlukan oleh sesebuah organisasi. Hal ini ditunjukkan dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Perbezaan *Coaching* dan Kaunseling (Saad, 2010).

Kesimpulannya, perbezaan antara *coaching* dengan kaunseling ialah tumpuan. Penumpuan *coaching* adalah pada peningkatan prestasi bagi mencapai tahap kompetensi yang diperlukan oleh sesebuah organisasi atau institusi manakala penumpuan kaunseling pula adalah pada perubahan tingkah laku negatif kepada positif. Perkhidmatan unit bimbingan dan kaunseling perlu mengambil peluang ini untuk memanfaatkan *coaching* sebagai salah satu teknik intervensi untuk membantu melonjakkan prestasi murid.

## 1.2 Latar Belakang

Gelombang pertama Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah pun berakhir pada tahun 2015 setelah tiga tahun dilaksanakan. Kini kita telah pun berada dalam gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Dua elemen penting yang menjadi keutamaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

ialah kemenjadian murid dan kualiti guru (Malaysia, 2012). Melalui PPPM ini, kementerian berhasrat untuk melahirkan murid yang mempunyai kualiti yang tinggi dari aspek jasmani, rohani, emosi dan intelektual (Malaysia, 2012), dan turut memiliki daya kebolehpasaran pada peringkat global. Cabaran sedia ada yang wujud adalah untuk membangunkan kemenjadian murid bagi memastikan setiap murid mempunyai akses pendidikan yang berterusan sehingga tamat tempoh persekolahan dan hal ini turut menjadi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Malaysia, 2012).

Murid merupakan aset kepada masa depan negara dan menjadi tanda aras bagi kemakmuran dan kesejahteraan negara pada masa hadapan (Salleh & Ibrahim 2015). Namun penilaian berdasarkan keputusan peperiksaan semata-mata tidak dapat dijadikan kayu pengukur sepenuhnya kemenjadian murid. Sebaliknya, ia perlu dilihat melalui hasil keberkesanan murid secara holistik. Maka dengan itu melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, murid dinilai dalam semua penglibatan program dan aktiviti kurikulum dan kokurikulum yang dikendalikan oleh guru dan pihak sekolah. Terdapat enam ciri murid yang menjadi aspirasi negara iaitu murid yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, berkemahiran memimpin, kebolehan dwibahasa, berkerohanian dan memiliki identiti nasional (Malaysia, 2012). Persoalannya ialah sejauhmanakah perkara kemenjadian murid ini dapat dicapai apabila penilaian murid hanya bersandarkan kepada aspek kurikulum, kokurikulum serta sahsiah dan disiplin. Bagaimana pula dengan aspek penilaian lain seperti pengaruh rakan sebaya, gaya asuhan ibu bapa, kesihatan diri, kestabilan kewangan keluarga, matlamat hidup dan kemantapan kerohanian yang turut menjadi impak besar terhadap kemenjadian murid.

Kajian oleh Rayung & Ambotang (2018) mendapati bahawa empat dimensi kecerdasan holistik iaitu kecerdasan intelek (IQ), kecerdasan fizikal (PQ), kecerdasan emosi (EQ) dan kecerdasan rohani (SQ) memberikan kesan yang besar terhadap kemenjadian murid. Keseimbangan empat dimensi kecerdasan ini amat selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Ia dilihat turut selari dengan apa juga yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui semakan terhadap instrumen penilaian sendiri Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM) agar penilaian sekolah menjadi lebih holistik; kini ia disebut Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2

(SKPMg2). Penambahbaikan ini membolehkan pentadbir sekolah melaksanakan penilaian secara berterusan bagi meningkatkan prestasi sekolah (Nazir, 2016).

Terdapat lima standard yang menjadi kayu pengukur bagi sekolah. Namun standard 5 iaitu kemenjadian murid amat berkait rapat dengan objektif kajian ini. Melalui standard 5 ini, asas pengukuran murid ialah kemenjadian murid dalam akademik, kemenjadian murid dalam kokurikulum dan kemenjadian sahsiah diri murid seperti dalam Rajah 1.2 (Nazir, 2016).

<b>STANDARD 5: KEMENJADIAN MURID</b>	
<b>PERNYATAAN STANDARD:</b>	
Murid yang dididik secara holistik dalam pengurusan sekolah yang cekap berupaya mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri.	
<b>ASPEK 5.1: KEMENJADIAN MURID DALAM AKADEMIK</b>	
5.1.1	Peratus Murid Mencapai Matlamat Tahunan Individu yang Ditetapkan dalam Tahun Terkini (Murid Berkeperluan Khas)
5.1.2	Gred Purata Sekolah dalam Peperiksaan Awam Sekolah Rendah (UPSR)
5.1.3	Gred Purata Sekolah dalam Peperiksaan Awam Sekolah Menengah (SPM)
<b>ASPEK 5.2: KEMENJADIAN MURID DALAM KOKURIKULUM</b>	
5.2.1	Gred Purata Sekolah dalam Kelab/Persatuan
5.2.2	Gred Purata Sekolah dalam Badan Beruniform
5.2.3	Gred Purata Sekolah dalam Sukan/Permainan
5.2.4	Gred Purata Sekolah Keseluruhan dalam Kokurikulum
<b>ASPEK 5.3: KEMENJADIAN SAHSIAH MURID</b>	
5.3.1	Purata Peratus Kehadiran Murid ke Sekolah bagi Tahun Terkini.
5.3.2	Peratus Murid yang Terlibat dalam Kes Salah Laku (Kes Ringan) bagi Tahun Terkini.
5.3.3	Peratus Murid yang Terlibat dalam Kes Salah Laku (Kes Sederhana) bagi Tahun Terkini.
5.3.4	Peratus Murid yang Terlibat dalam Kes Salah Laku (Kes Berat) bagi Tahun Terkini.

Rajah 1.2: Standard 5 (Kemenjadian Murid)

Sumber: Nazir (2016)

Namun seperkara yang perlu diperhatikan di sini ialah cara murid itu disediakan secara intelektual, fizikal, emosi dan rohani bagi mencapai penilaian yang tinggi untuk standard ini. Dengan kata lain, kaedah untuk membentuk murid ini agar bersedia mengambil tanggungjawab mencapai standard ini perlu diberikan perhatian.

Tidak dinafikan bahawa pendekatan *coaching* dalam bilik darjah telah pun dilaksanakan di sekolah, yang antaranya ialah ‘literasi *coaching*’, ‘kognitif *coaching*’ dan ‘pendidikan *coaching*’ (Costa & Garmston, 2002; Moran, 2007). Namun *coaching* dalam konteks kaunseling murid masih jauh terpinggir pada peringkat sekolah.

Menyedari kepentingan bagi unit perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengorak langkah ke hadapan dengan menggunakan teknik *coaching* maka kajian ini dilihat amat bersesuaian dilaksanakan dan tepat pada masanya untuk menguji keberkesanan teknik *coaching* dalam ruang disiplin perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang jelas masih belum dikaji secara empirikal di Malaysia.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Unit bimbingan dan kaunseling berperanan mempersiapkan murid agar benar-benar bersedia dari sudut mental, emosi dan fizikal untuk menerima pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru (Natesan, 2017). Kesediaan untuk belajar akan memberikan impak kepada murid dalam banyak perkara, contohnya seperti keberadaan di dalam kelas, tumpuan terhadap pengajaran guru, prestasi pelajaran, penglibatan aktif dalam kegiatan ko-kurikulum dan mengamalkan nilai sahsiah dan disiplin yang baik (Ismail, 2015). Di samping itu, kesediaan untuk belajar juga menyumbang pada peratusan penilaian kemenjadian murid yang menjadi salah satu fokus dalam Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2). Penilaian kemenjadian murid berdasarkan pencapaian 3 aspek kemenjadian iaitu kemenjadian kurikulum, kemenjadian ko-kurikulum dan kemenjadian sahsiah. Maka, dalam hal ini, unit bimbingan dan kaunseling merupakan antara unit yang terpenting di sekolah yang menggalas tanggung jawab untuk membantu murid mencapai ketiga-tiga aspek kemenjadian tersebut.

Namun, berdasarkan pengalaman penyelidik sebagai guru bimbingan dan kaunseling, didapati bahawa teknik kaunseling yang digunakan masih boleh ditambah baik. Hal ini turut dipersetujui oleh Kok & Low (2017), Natesan (2017) dan Che Mat, (2017) yang mendapati bahawa banyak kajian berkaitan pelaksanaan perkhidmatan ini di sekolah yang menunjukkan pengendalian perkhidmatan ini masih tidak memuaskan. Oleh sebab itu, unit bimbingan dan kaunseling sekolah harus sentiasa menambahkan kecekapan dalam penggunaan kaedah bimbingan dan kaunseling bagi membantu murid dari aspek motivasi, pemantapan sahsiah dan disiplin diri serta penguasaan akademik (Mat Tob & Abd Razak, 2017).

Hal ini turut disokong oleh maklum balas daripada guru-guru yang menyatakan bahawa terdapat murid yang telah menjalani sesi kaunseling namun masih



## RUJUKAN

- Aas, M., & Vavik, M. (2015). Group Coaching: A New Way Of Constructing Leadership Identity? *School Leadership and Management*, 35(3), 251–265.
- Abang Julhi, A. I., Wan Hasan, S. N., Suhaibo, H., & Uji, K. (2018). Terbitan Khas : Penyelidikan Pendidikan. In *Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan*.
- Abd. Hamid, Z., Othman, J., Ahmad, A., & Ismail, I. A. (2011). Hubungan Antara Penglibatan Ibumbapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40 m.s.
- Abd Malik, Z., & Hashim, H. A. (2010). Penetapan Matlamat Dalam Sukan: Memaksimumkan Keberkesanan dan Mengelakkan Kesan Negatif Dalam Penetapan Matlamat. *Buletin Kejurulatihan*.
- Abdul Ghani, M. F., Mohd Radzi, N., Khanayatullah, Husaina Banu, Siraj, S., Abdullah, Z., Mohd Radzi, N. F., Faisol, & A. Ghani, Maszuria, A. M. A. (2017). Masalah Disiplin Murid Islam: Strategi Dan Penyelesaian Terhadap Kurikulum Pendidikan Islam. *Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*, 20.
- Abdul Hamid, S. (2019). Tahap Kesihatan Mental Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi: Kajian Literasi. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 329–336.
- Abdul Majid Khan, A. R. (2011). *Penyelidikan Klinikal dari Perspektif Pengajaran di Sekolah*. PTS Publishing House.
- Abdul Majid, M., Azman, N. Z., & Mohd Yani, N. I. (2019). FAKTOR PENGLIBATAN REMAJA DALAM SALAH LAKU SEKSUAL: KAJIAN TERHADAP REMAJA HAMIL LUAR NIKAH DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK NEGERI SELANGOR. *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*.

- Abdullah, Z., Ismail, S. N., Shafee, S., Shaharom, M. S. N., & A.Ghani, M. F. (2019). Pengaruh Pembelajaran Akademik Anak-anak Keluarga Fakir Miskin Di Sekolah-sekolah Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44–70.
- Abraham, A., Saiz, S. L. J., Mckeown, S., Morgan, G., Muir, B., North, J., & Till, K. (2014). Planning your coaching: A focus on youth participant development. *Practical Sport Coaching*, (March 2016), 16–53.
- Abu Bakar, A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial. *Jurnal Jauhari*, 11(1).
- Achi, S. El, & Sleilati, E. (2016). The Effect Of Coaching On Employee Performance In The Human Resource Management Field: The Case Of The Lebanese Banking Sector. *International Journal of Trade and Global Markets*, 9(2), 137.
- Adam, I. F., Muhayadin, N. A. M., & Yusof, N. (2020). Analisis Faktor Penyebab Stres Dalam Kalangan Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Tuanku Sultanah Baniyah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, Vol. 1(3), 13–23. Retrieved from <http://103.8.145.246/index.php/jdpd/article/view/8306/3576>
- Ahmad, N. A., Norhafizah, D., & Hanifah, A. (2015). Tahap Pengetahuan Guru Pendidikan Khas Apabila Mengurus Tingkah Laku Murid Bermasalah Pembelajaran . *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 30, 73–88.
- Ahmad, Z., & Hadzari, Q. 'Aini S. B. R. (2018). Konsep Mentoring Dalam Kalangan Guru : Satu Penelitian Awal. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, (April), 557–576.
- Ajmain, T., & Ezzuddin, A. (2020). Kaedah dan Ciri Pendidikan Dalam Melahirkan Sebuah Keluarga yang Sejahtera. Retrieved from ResearchGate website: [file:///C:/Users/MYUSER/Downloads/kaedah\\_\\_ciri\\_pendidikan\\_Talhah.LATES T.pdf](file:///C:/Users/MYUSER/Downloads/kaedah__ciri_pendidikan_Talhah.LATES T.pdf)
- Al-Qarni, A. A. (2010). *Mendidik Remaja Muslim Menjadi Orang Beriman Dan Bertaqwa*. Al-Shafa.
- Aldrin, N., & Pradipta Utama, A. (2019). Analysis of the Effect of Coaching on Teamwork Performance . *International Journal of Research in Business and Social Science*, 8(Special Issue).
- Ali, M., Lodhi, S. A., Orangzab, Raza, B., & Ali, W. (2018). Examining the impact of managerial coaching on employee job performance: Mediating role of work engagement, leader-member-exchange quality, job satisfaction, and turnover

- intentions. *Pakistan Journal of Commerce and Social Science*, 12(1), 253–282.
- Alias, A. R. (2010a). *Coaching & Mentoring dalam Pendidikan : Konsep, Peranan, Proses, Membina Kepercayaan, Model dan Praktis*. Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek.
- Alias, A. R. (2010b). *Modul Latihan Asas Coaching & Mentoring Dalam Pendidikan: Intervensi Pembangunan Profesionalisme*. Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek.
- Ambotang, A. S., & Said, O. (2018). Pengaruh Rakan Sebaya Terhadap Prestasi Kanak-Kanak. *Utusan Borneo (Sabah)*. Retrieved from <https://www.pressreader.com/>
- Amisah, M. A. (2011). Sistem peperiksaan mesti fokus kemenjadian murid « Arkib Akhbar Pusat Sumber BTP. Retrieved January 20, 2020, from <https://pspbtp.wordpress.com/2011/08/16/sistem-peperiksaan-mesti-fokus-kemenjadian-murid/>
- Archambault, I., Janosz, M., Se`bastien, J.-S., & Pagani, L. S. (2009). Student Engagement and Its Relationship With Early High School Dropout. *Journal of Adolescence*, 32, 651–670.
- Arninditha, N. (2012). *Pemberian Coaching dan Konseling Untuk Meningkatkan Perilaku Proaktif dan Menurunkan Intensi untuk Keluar pada Executive Trainee Batch 4 (Studi pada PT.XYZ)*. Universitas Indonesia.
- Asri, N. M., Bakar, N. A., Laili, I. A., & Saad, S. (2017). Status Kewangan Dan Tekanan Dalam Kalangan Mahasiswa. *Jurnal Pengguna Malaysia*, 29(Disember), 63–83.
- Azhari, A. B., Kamarulzaman, M. H., Faisal, R. A., & Hazir, N. M. (2017). *Tahap Kecergasan Fizikal di Kalangan Pelajar Pintar dan Berbakat*. 2017(December), 187–197. Global Summit on Education.
- Bachkirova, T., & Cox, E. (2004). A Bridge Over Troubled Water Bringing Together Coaching and Counselling. *International Journal of Mentoring and Coaching*, 2(1), 1–10.
- Baleinakorodawa, L. (2009). *Causes of Truancy From Mainstream Education For A Group of Pasifika Students Enrolled In Alternative Education*. Auckland University of Technology.
- Bernama. (2019). KPM tambah guru kaunseling. Retrieved November 22, 2019, from

<https://www.sinarharian.com.my/article/45514/BERITA/Nasional/KPM-tambah-guru-kaunseling>

- Bettinger, E. P., & Baker, R. B. (2013). The Effects of Student Coaching: An Evaluation of a Randomized Experiment in Student Advising. *Educational Evaluation and Policy Analysis*, 36(1), 3–19. <https://doi.org/10.3102/0162373713500523>
- Birioukov, A. (2020). *Attending to absentees: An investigation of how four urban alternative schools respond to student absenteeism*. University of Ottawa.
- Bluckert, P. (2006). *Psychological Dimensions of Executive Coaching*. Open University Press.
- Boak, G., & Crabbe, S. (2019). Evaluating the impact of coaching skills training on individual and corporate behaviour. *European Journal of Training and Development*, 43(1–2), 153–165. <https://doi.org/10.1108/EJTD-07-2018-0058>
- Bosibori Bwengi, E. (2015). The Perceived Effects of Coaching On Employee Performance At The Co-Operative Bank Of Kenya. In *Journal of applied microbiology*. Nairobi.
- Bowden, J. L. H., Tickle, L., & Naumann, K. (2019). The four pillars of tertiary student engagement and Success: a holistic measurement approach. *Studies in Higher Education*. <https://doi.org/10.1080/03075079.2019.1672647>
- Boyd, A. (2018). It Takes More Than Tech Skills To Be a Strong Cyber Leader. Retrieved October 23, 2020, from NextGov website: <https://www.nextgov.com/cybersecurity/2018/03/it-takes-more-tech-skills-be-strong-cyber-leader/146520/>
- Brajša-Žganec, A., Merkaš, M., & Šakić Velić, M. (2019). The relations of parental supervision, parental school involvement, and child's social competence with school achievement in primary school. *Psychology in the Schools*, 56(8), 1246–1258. <https://doi.org/10.1002/pits.22273>
- Britton, J. J. (2010). *Effective Group Coaching: Tried and Tested Tools and Resources for Optimum Group Coaching Results*. Canada: John Wiley & Sons.
- Brock, V. (2010). The Secret History of Coaching. *EMCC Dublin*, 1–17. Dublin, Ireland.
- Bronfenbrenner, U. (1979). The Ecology of Human Development. In *Harvard University Press*. Cambridge, Massachusetts, London and England: Harvard

University Press.

Brown, S. W., & Grant, A. M. (2010). From GROW to GROUP: Theoretical Issues And A Practical Model For Group Coaching In Organisations. *Coaching : An International Journal of Theory*, 3(1), 30–45.

Bryman, A. (2012). Social Research Methods. In *Oxford University Press* (ke-4). Oxford University Press.

Byrne, U. (2005). Wheel of Life: Effective Steps For Stress Management. *Business Information Review*, 22(2), 123-130 ms.

California, U. of. (2017). SMART Goals : A How to Guide. In *Performance Appraisal Planning 2016-2017*.

Center, P. R. (2016). How religion may affect educational attainment. Retrieved October 25, 2020, from Pewforum.org website: <https://www.pewforum.org/2016/12/13/how-religion-may-affect-educational-attainment-scholarly-theories-and-historical-background/>

Champathes, M. R. (2006). Coaching for Performance Improvement: The “COACH” Model. *Development and Learning in Organisations*, 20(2), 17–18.

Che Mat, N. (2017). Mengurangkan Bilangan Murid Berisiko Keciciran Sekolah Melalui Intervensi Modul Pendekatan Psikologi Kaunseling. *Psikologi Dan Kaunseling*, 8.

